



TEKS UCAPAN

**YB. DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

MAJLIS PELUNCURAN PLAK TASKA BERDAFTAR

10 JANUARI 2025

**TASKA SERI KANDI
(JABATAN AUDIT NEGARA)**

PENDAHULUAN

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera

Salam Malaysia Madani

SALUTASI

MUKADIMAH

1. Alhamdullilah bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah izinNYA dapat kita berhimpun di **Majlis Peluncuran Plak TASKA Berdaffar** pada hari yang berbahagia ini.
2. Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan selamat tahun baharu 2025 kepada anda semua. Adalah menjadi

harapan agar tahun 2025 ini akan menjadi lebih baik berbanding daripada tahun sebelumnya.

3. Alhamdulillah, dengan izinNya, hasrat saya untuk mewujudkan satu kaedah atau indikator **mudah** bagi mengenali Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dapat direalisasikan pada tahun 2025 ini. Ini merupakan satu inisiatif KPWKM dalam memastikan **kejayaan kerajaan Madani** di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri dan juga kejayaan buat

rakyat Malaysia khususnya yang sentiasa menunjukkan keprihatinan terhadap isu berkaitan kanak-kanak di negara ini.

4. Ini adalah satu langkah penting bagi menunjukkan **komitmen Kerajaan dalam memastikan sistem pengasuhan dan penjagaan awal kanak-kanak di negara ini berada pada tahap yang terbaik, selamat, dan berkualiti.** Kementerian melihat Plak Pendaftaran TASKA Berdaftar ini merupakan salah satu usaha dan solusi **yang memudahkan semua pihak mengetahui status legitimasi TASKA tempat**

mereka ingin menghantar anak mereka selain daripada membuat semakan di laman sesawang Jabatan Kebajikan Masyarakat di www.jkm.gov.my.

5. TASKA yang berdaftar akan beroperasi dengan memenuhi syarat yang ditetapkan demi keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak semasa keberadaan mereka di TASKA, seterusnya dapat mengurangkan risiko berlakunya insiden yang tidak diingini.

INISIATIF 2025

6. Sebanyak **3,198 buah TASKA** yang berdaftar akan menerima **manfaat ini**. Plak Pendaftaran ini **hendaklah dipasang atau ditampal di tempat yang mudah dilihat di bahagian luar premis** TASKA. Ini bagi memastikan ibu bapa atau masyarakat dapat melihat dengan jelas Plak tersebut.

7. Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab dalam memastikan kesejahteraan rakyat, **Kementerian**

sangat menekankan betapa pentingnya memastikan bahawa setiap TASKA yang beroperasi di negara ini adalah berdaftar. Kementerian ingin memberikan keyakinan kepada ibu bapa dan masyarakat bahawa setiap TASKA yang berdaftar telah mematuhi Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 dan Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012. Ini adalah jaminan bahawa anak-anak mereka berada dalam persekitaran yang selamat, teratur, dan kondusif untuk perkembangan mereka.

PENGHARGAAN

8. Saya bagi pihak KPWKM ingin merakamkan **setinggi penghargaan kepada pengusaha TASKA yang telah berdaftar dan mematuhi standard minimum yang ditetapkan. Anda hebat dalam memastikan semua peruntukan undang-undang dipatuhi** dan dalam masa yang sama menyediakan persekitaran yang selamat dan selesa buat kanak-kanak. **Plak ini disediakan sebagai simbol pengiktirafan terhadap komitmen tuan/ puan.**

9. Saya menyeru semua pihak **yang ingin mengoperasikan TASKA** agar segera berdaftar **seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang, serta** untuk meningkatkan lagi keyakinan ibu bapa dan penjaga terhadap perkhidmatan pengasuhan yang disediakan di Malaysia.

PENUTUP

10. Akhir kata, marilah kita semua memainkan peranan masing-masing dalam memastikan anak-anak kita mendapat permulaan yang terbaik dalam kehidupan mereka. Penjagaan dan pengasuhan awal yang berkualiti adalah kunci untuk melahirkan rakyat yang berpengetahuan, berkemahiran, dan berdaya saing. Justeru, marilah kita berusaha keras, berganding bahu dalam memastikan semua TASKA di negara kita dapat menyediakan persekitaran yang berkualiti, selamat dan kondusif untuk mereka.

Maka, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Majlis Peluncuran Plak TASKA Berdaftar pada hari ini.

Sekian, Wabillahi taufiq Walhidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.